# Yap Kim Kee & Sons Holdings Sdn Bhd lwn Gooi Joon Hai (sebagai penyelesai bagi Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd)

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — USUL PEMULA NO D6–25–39–92
ABDUL AZIZ MOHAMAD J
16 NOVEMBER 1993

***Syarikat dan Korporat*** *— Penggulungan — Penggantungan prosiding penggulungan — Tuntutan pemiutang dipertikaikan — Sama ada penggantungan harus dinafikan kerana pelikuidasi belum membuat keputusan tentang tuntutan yang dipertikaikan*

***Syarikat dan Korporat*** *— Penggulungan — Penggantungan prosiding penggulungan — Sama ada permohonan untuk penggantungan mesti disampaikan kepada semua pemiutang*

***Syarikat dan Korporat*** *— Penggulungan — Penggantungan prosiding penggulungan — Sama ada kesolvenan mesti dibuktikan secara tegas oleh pernyataan kewangan tertentu — Sama ada mahkamah boleh bertindak berdasarkan bahan-bahan yang wujud*

***Syarikat dan Korporat*** *— Penggulungan — Penggantungan prosiding penggulungan — Kegagalan untuk memfailkan pernyataan hal-ehwal — Kelakuan buruk syarikat dan pengarahnya — Sama ada menjadi dasar untuk menafikan permohonan penggantungan — Akta Syarikat 1965 s 234(3)*

Syarikat pemohon telah memohon untuk menggantung semua prosiding dalam penggulungan Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd ('syarikat subjek'), iaitu satu syarikat yang dipunyai sepenuhnya oleh syarikat pemohon. Semua pemiutang syarikat subjek menyokong permohonan ini kecuali Tanah Setia Sdn Bhd ('Tanah Setia'). Tanah Setia telah mendakwa syarikat subjek dan seorang pengarahnya kerana gagal menyempurnakan perjanjian jualbeli saham dan mendapat penghakiman bagi sebahagian daripada tuntutannya, iaitu sebanyak RM145,000, dan bakinya telah diperintahkan supaya dibicarakan di mahkamah sesyen. Apabila syarikat subjek gagal menjelaskan penghakiman itu, Tanah Setia telah memohon supaya syarikat subjek digulung. [Sila lihat [1990] 2 MLJ 108.] Syarikat subjek akhirnya telah digulung atas petisyen kali kedua oleh Tanah Setia. Bantahan utama Tanah Setia terhadap permohonan ini ialah bahawa pelikuidasi belum lagi membuat keputusan atas bukti-bukti hutang yang telah mereka masukkan, sedangkan beberapa pemiutang syarikat subjek telah dijelaskan hutang mereka. Secara alternatif, Tanah Setia berkata bahawa permohonan itu tidak memenuhi tiga syarat yang ditetapkan, iaitu: (i) tidak menunjukkan bukti solvensi am; (ii) permohonan untuk penggantungan tidak disampaikan kepada semua pemiutang dan penyumbang; dan (iii) pernyataan hal-ehwal syarikat subjek tidak difailkan atau penjelasan mengapa pernyataan tidak difailkan tidak diberikan.

A Syarikat pemohon telah menegaskan bahawa Tanah Setia tidak berhak membantah permohonan ini kerana ia bukanlah pemiutang syarikat subjek lagi oleh kerana penghakiman yang diperolehinya telahpun dijelaskan dan baki tuntutan mereka di mahkamah sesyen belum diputuskan lagi.

B **Diputuskan**, membenarkan permohonan itu:

(1) Tanah Setia masih merupakan pemiutang syarikat subjek oleh kerana tuntutan mereka di mahkamah sesyen itu boleh dibuktikan terhadap syarikat subjek dalam penggulungannya menurut s 291(1) Akta Syarikat 1965 ('Akta itu'). Sungguhpun begitu, C penggantungan prosiding dalam penggulungan tidak seharusnya dihalang semata-mata kerana seorang pemiutang yang mempunyai tuntutan yang dipertikaikan mengharapkan penyelesaian mudah bagi tuntutannya melalui penggulungan sepertimana yang diharapkan oleh Tanah Setia. Sesuatu tuntutan yang tidak boleh D digunakan untuk mengasaskan penggulungan tidak sepatutnya juga digunakan untuk mengekalkannya. Bantahan utama Tanah Setia itu gagal sebab penggantungan tidak patut dinafikan atas sebab pelikuidasi belum membuat keputusan tentang tuntutan yang dipertikaikan.

E (2) Solvensi sesuatu syarikat tidak semestinya, bagi maksud permohonan penggantungan prosiding dalam penggulungan, dibuktikan secara tegas melalui sesuatu pernyataan kewangan tertentu yang menunjukkan keadaan pada tarikh tertentu. Penilaian harus dibuat berdasarkan bahan-bahan yang wujud di hadapan untuk memastikan sama ada syarikat subjek adalah solven mengikut F imbangan probabiliti. Bahan-bahan yang wujud menunjukkan bahawa syarikat subjek adalah solven dan Tanah Setia tidak berjaya menyangkal penegasan kepercayaan syarikat pemohon bahawa jika penggulungan syarikat subjek digantung, ia akan mempunyai modal yang cukup untuk menjalankan perniagaannya.

G (3) Tidak ada tanda-tanda bahawa syarikat subjek mempunyai pemiutang-pemiutang lain selain daripada yang telah tampil ke hadapan dan tidak ada sebab bagi menyangka adanya pemiutang-pemiutang lain. Mahkamah menerima pernyataan syarikat pemohon bahawa syarikat subjek tidak ada pemiutang-pemiutang lain.

H (4) Mahkamah tidak berpuas hati bahawa segala prosiding penggulungan patut digantung, memandangkan kelakuan pihak syarikat subjek dan pengarahnya adalah buruk sekali, termasuk kegagalannya untuk memfailkan pernyataan hal-ehwal di bawah s 234 Akta itu. Akan tetapi mahkamah berfikir bahawa adalah I tidak betul sekiranya permohonan penggantungan dinafikan sebagai suatu hukuman kerana kelakuan buruk dan memerintahkan supaya segala prosiding berkenaan dengan penggulungan syarikat subject digantung sama sekali.

[**English summary**

The applicant company applied to suspend all winding-up proceedings against Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd ('the subject company'), a company which was wholly owned by the applicant company. All the creditors of the subject company were in support of this application except for Tanah Setia Sdn Bhd ('Tanah Setia'). Tanah Setia had sued the subject company and one of its directors for failing to complete a sale and purchase agreement of shares and obtained judgment for part of its claim, ie for RM145,000, and the balance was ordered to be tried in the sessions court. When the subject company failed to satisfy the judgment, Tanah Setia applied to wind up the subject company. [See [1990] 2 MLJ 108.] The subject company was finally wound up pursuant to the second petition made by Tanah Setia. The main objection of Tanah Setia against this application was that the liquidator had not yet made a decision on the proof of debt entered by them, while on the other hand, the debts owed to several other creditors of the subject company had already been settled. Alternatively, Tanah Setia stated that the application did not comply with three conditions which had been laid down, namely: (i) it did not show proof of general solvency; (ii) the application for suspension was not served on all creditors and contributors; and (iii) a statement of affairs of the subject company was not filed nor was an explanation given as to why the statement had not been filed.

The applicant company alleged that Tanah Setia had no right to object to this application as it was no longer a creditor of the subject company since the judgment obtained by it had since been satisfied and the balance of their claim in the sessions court had not been decided on yet.

**Held**, allowing the application:

(1) Tanah Setia was still a creditor of the subject company as their claim in the sessions court could be proven against the subject company in its winding-up pursuant to s 291(1) of the Companies Act 1965 ('the Act'). Even so, the suspension of winding-up proceedings should not be prevented merely because a creditor with a claim which was disputed was hoping to obtain an easy settlement of its claim through winding-up as was hoped by Tanah Setia. A claim which could not be used as a basis for winding-up should not also be used to maintain it. The main objection of Tanah Setia failed as suspension should not be denied on the ground that the liquidator had not made a decision concerning the disputed claim.

(2) The solvency of a company, for the purposes of an application for suspension of winding-up proceedings, did not necessarily have to be proved strictly by way of a particular financial statement reflecting the situation at a particular time. An assessment should be made based on the materials that were available before the court in order to determine whether the subject company was

solvent on the balance of probabilities. The materials available showed that the subject company was solvent and Tanah Setia did not succeed in contradicting the applicant company's stated belief that if the winding-up of the subject company was suspended, it would have sufficient capital to carry on business.

(3) There were no signs that the subject company had any creditors other than those who had come forward and there were no reasons to assume that there were other creditors. The court accepted the applicant company's statement that the subject company did not have any other creditors.

(4) The court was not satisfied that the entire winding-up proceedings should be suspended in view of the extremely bad conduct of the subject company and its directors, including the failure to file its statement of affairs under s 234 of the Act. However the court thought that it was not right to deny the application for suspension as a punishment for bad conduct and ordered that the entire proceedings concerning the winding-up of the subject company be suspended altogether.]

**Kes-kes rujukan**

1 *Tecma Pty Ltd v Solah Blue Metal Pty Ltd (No 2)* (1988) 14 ACLR 539; 6 ACLC 1170 (diikut)
2 *Re Ban Hong Co Ltd* [1959] MLJ 100 (dirujuk)
3 *Re Warbler Pty Ltd* (1982) 6 ACLR 526; 1 ACLC 323 (dirujuk)
4 *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd* [1990] 2 MLJ 108 (dirujuk)
5 *Re Telescriptor Syndicate Ltd* [1903] 2 Ch 174 (dibeza)

**Undang-undang rujukan**

Akta Syarikat 1965 ss 291(1)

*Catherine Choong* (*Catherine Choong & Co*) bagi pihak pemohon.
*J Kannaperan* (*Shearn Delamore & Co*) bagi pihak pembantah.
*WM Lee* (*Shook Lin & Bok*) bagi pihak responden.

*Cur Adv Vult*

**Abdul Aziz Mohamad J**: Dalam penghakiman ini, saya akan merujuk kepada Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd sebagai 'syarikat subjek' dan kepada Tanah Setia Sdn Bhd sebagai 'Tanah Setia'. Syarikat pemohon ialah pemegang saham dalam syarikat subjek bersama dua syarikat lain yang dipunyai sepenuhnya oleh syarikat pemohon. Maka bolehlah dikatakan bahawa syarikat subjek dipunyai sepenuhnya oleh syarikat pemohon.

Tanah Setia telah membuat tuntutan terhadap syarikat subjek dan Yap Kim Kee, salah seorang pengarahnya, untuk mendapat balik wang sebanyak RM232,000 yang dikatakan telah dibayar kepada mereka untuk membeli 14,700 saham Kepong Development Sdn Bhd, oleh kerana mereka dikatakan telah gagal menyempurnakan perjanjian jualbeli. Tanah Setia telah memohon penghakiman terus ('summary judgment'), tetapi pemohonannya itu telah

ditolak oleh penolong kanan pendaftar. Atas rayuan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar itu, Tanah Setia telah mendapat penghakiman untuk sebanyak RM145,000 dan RM350 kos. Baki tuntutan sebanyak RM87,000 dan faedah telah diperintahkan supaya dibicarakan di mahkamah sesyen. Syarikat subjek telah gagal menjelaskan penghakiman itu dan, kerana itu, telah diperintahkan supaya digulung. Selepas perintah penggulungan itu, beberapa pemiutang syarikat subjek telah dibayar hutang mereka dan penghakiman itu juga telah dijelaskan. Kemudian datang permohonan ini, iaitu permohonan untuk menggantung semua prosiding dalam penggulungan syarikat subjek. Sejumlah RM130,000 telah didepositkan oleh syarikat pemohon dengan peguam mereka untuk menjamin baki tuntutan sebanyak RM87,000 dan faedah yang masih dalam tuntutan di mahkamah sesyen, dan RM20,000 untuk menjamin bayaran kos prosiding penggulungan syarikat subjek. Semua pemiutang syarikat subjek menyokong permohonan ini, kecuali Tanah Setia. Pelikuidasi syarikat subjek tidak menentang permohonan ini.

Adalah dihujahkan oleh peguam bijaksana bagi syarikat pemohon bahawa Tanah Setia bukanlah pemiutang syarikat subjek lagi oleh kerana penghakiman yang diperolehinya telah dijelaskan dan baki tuntutan mereka di mahkamah sesyen belum diputuskan lagi. Saya bersetuju dengan peguam bijaksana bagi Tanah Setia bahawa Tanah Setia adalah pemiutang oleh kerana tuntutan mereka di mahkamah sesyen itu boleh dibuktikan terhadap syarikat subjek dalam penggulungannya, berasaskan s 291(1) Akta Syarikat 1965 yang memperuntukkan bahawa, dalam setiap penggulungan, '... all claims against the company present or future certain or contingent ascertained or sounding only in damages shall be admissible to proof against the company ...'.

Bantahan utama Tanah Setia terhadap permohonan ini ialah bahawa pelikuidasi belum lagi membuat keputusan atas bukti-bukti hutang yang telah dimasukkan oleh Tanah Setia, sedangkan beberapa pemiutang syarikat subjek sudahpun dijelaskan hutang mereka. Tanah Setia berkata bahawa pelikuidasi mestilah terlebih dahulu membuat keputusan atas bukti-bukti hutang mereka oleh kerana mereka berhak mendapat bayaran seperti pemiutang-pemiutang lain melainkan jika pelikuidasi menolak bukti-bukti hutang mereka. Patutlah saya jelaskan bahawa Tanah Setia telah memasukkan tiga bukti hutang. Satu untuk RM135,481.64, iaitu baki tuntutan sebanyak RM87,000 itu dan faedah. Satu untuk RM10,406.30, iaitu untuk kos penggulungan syarikat subjek; dan satu lagi untuk RM115,698.08, iaitu faedah atas amaun penghakiman sebanyak RM145,000 itu. Jumlahnya ialah RM261,586.02.

Berkenaan dengan bantahan itu, dua perkara perlu diambil ingat. Pertama, berbanding dengan sembilan pemiutang yang menyokong permohonan ini, yang jumlah hutangnya ialah RM1,311,247.53, hanya tiga pemiutang, tidak termasuk Tanah Setia, telah dibayar, dan jumlahnya hanya RM171,497.30, dan daripada jumlah itu RM135,000 telah dibayar oleh syarikat pemohon. Selain itu, Development & Commercial Bank, iaitu satu daripada sembilan pemiutang itu, telah dibayar sebanyak RM23,952.20, juga oleh syarikat pemohon, untuk mengurangkan suatu pinjaman. Perkara

kedua yang perlu diambil ingat ialah bahawa tuntutan Tanah Setia di mahkamah sesyen itu adalah suatu tuntutan yang dipertikaikan yang masih belum diputuskan.

Autoriti yang dibuat sandaran untuk bantahan utama itu ialah kes *Tecma Pty Ltd v Solah Blue Metal Pty Ltd (No 2)*,[1] iaitu kes petisyen untuk penggantungan yang dibangkang oleh pemiutang pempetisyen yang ada tuntutan yang tidak pernah dicabar tentang amaunnya. Asas bantahan pempetisyen ialah bahawa petisyen itu akan melibatkan segala pemiutang lain syarikat yang berkenaan dibayar terlebih dahulu daripada pempetisyen. Dalam kes itu, hakim yang arif berkata, di ms 541, bahawa mahkamah '... will be reluctant to approve a proposal where there is discrimination against one creditor to the extent that creditor is deprived of rights to which he would be entitled on a court-controlled winding-up'. Saya tidak fikir apa yang dikatakan itu terpakai bagi sesuatu kes, seperti kes ini, di mana pemiutang yang belum dibayar mempunyai tuntutan yang dipertikaikan dan yang telah diputuskan sebagai perlu dibicarakan. Saya fikir kata-kata 'rights to which he would be entitled on a court-controlled winding-up' mestilah merujuk kepada hak-hak atas sesuatu tuntutan yang tidak dipertikaikan. Sayugia diperhatikan bahawa walaupun pemiutang pempetisyen dalam kes itu adalah pemiutang tunggal yang didiskriminasikan dan hutangnya tidak dipertikaikan, mahkamah masih membenarkan penggantungan oleh kerana, dalam hal-hal keadaan kes itu, penggantungan akan lebih bermanfaat bagi semua pihak, termasuklah pihak pemiutang pempetisyen sendiri.

Nampaknya kepada saya bahawa, dengan bertegas supaya prosiding penggulungan tidak digantung sehingga tuntutan mereka diputuskan oleh pelikuidasi sebagai pilihan yang lebih diingini daripada membiarkan penggantungan dan kemudiannya menyusuli tuntutan mereka di mahkamah sesyen, Tanah Setia menaruh harapan kepada kemungkinan mereka akan dapat membuktikan tuntutan mereka dengan lebih mudah atau mendapat bayaran dengan lebih cepat melalui proses penggulungan daripada melalui proses penghakiman biasa. Sebagaimana juga sesuatu petisyen penggulungan itu tidak sepatutnya dibuat untuk menguatkuasakan bayaran sesuatu hutang yang dipertikaikan, sebagaimana dikatakan dalam kes *Re Ban Hong Co Ltd*,[2] maka demikianlah juga, pada fikiran saya, penggantungan prosiding dalam penggulungan tidak seharusnya dihalang semata-mata kerana seorang pemiutang yang mempunyai tuntutan yang dipertikaikan mengharapkan penyelesaian mudah bagi tuntutannya melalui penggulungan. Sesuatu tuntutan yang tidak boleh digunakan untuk mengasaskan penggulungan tidak sepatutnya juga digunakan untuk mengekalkannya. Saya bersetuju dengan peguam bagi Tanah Setia bahawa, walaupun tuntutan itu dipertikaikan, ia masih boleh dibuktikan dalam penggulungan. Tetapi itu adalah benar sekiranya penggulungan itu berterusan.

Seandainya, dalam kes ini, atas sebab-sebab lain, penggantungan tidak dibenarkan dan penggulungan berjalan terus, tentu sekali baki hutang yang dipertikaikan itu boleh dibuktikan dalam penggulungan itu. Tetapi seandainya syarikat subjek tidak ada pemiutang-pemiutang lain, dan mereka adalah solven, dan tidak ada sebab lain yang menghalang penggantungan, saya tidak fikir penggantungan patut dinafikan atas sebab pelikuidasi belum

membuat keputusan tentang tuntutan yang dipertikaikan itu. Oleh yang demikian, pada pertimbangan saya, bantahan utama Tanah Setia itu gagal. A

Sebagai alternatif kepada bantahan utama itu, Tanah Setia berkata bahawa permohonan ini masih tidak memenuhi tiga daripada syarat-syarat yang ditetapkan dalam kes *Re Warbler Pty Ltd.*[3]

Satu syarat yang dikatakan tidak dipenuhi ialah syarat yang memerlukan pembuktian solvensi am ('general solvency') syarikat subjek pada tarikh semasa, yang mungkin bererti tarikh permohonan ini didengar. Sumber bagi syarat yang dikatakan itu ialah perenggan berikut dari ms 530: B

> It is clear from this material that the balance sheets relate only to 30 June 1981. There is no proof that the situation at that date is still the same today, although I am asked to infer from the second affidavit, and in particular the unclear passage referred to above, that there are no other liabilities of the company. There is no profit and loss account of the company so I do not know whether it is trading and if so, whether it is trading profitably. Its solvency has not been demonstrated. C

Saya tidak fikir saya bersedia membuat kesimpulan dari perenggan itu tentang adanya sesuatu kaedah am bahawa solvensi sesuatu syarikat mestilah, bagi maksud permohonan penggantungan prosiding dalam penggulungan, dibuktikan secara tegas ('strict') melalui sesuatu pernyataan kewangan tertentu yang menunjukkan keadaan pada tarikh tertentu. Perenggan itu tidak seharusnya difahami sebagai menyatakan sesuatu yang lebih daripada sikap hakim yang arif dalam kes itu tentang bahan-bahan yang ada, atau tidak ada, di hadapan beliau. Ia merupakan penilaian beliau sendiri tentang bahan-bahan itu. Saya rasa saya perlu menilai bahan-bahan yang ada di hadapan mengikut imbangan probabiliti, sama ada syarikat subjek adalah solven. D E

Satu timbangan duga ('trial balance') bagi syarikat subjek dari tempoh 1 April 1989 hingga 20 Februari 1990 ada dieksibitkan kepada afidavit syarikat pemohon yang menyokong permohonan ini. Turut dieksibitkan ialah satu pernyataan viabiliti kewangan syarikat subjek sebagaimana pada 23 Mei 1992. Timbangan duga dan pernyataan viabiliti kewangan itu tidak diaudit. Pernyataan viabiliti kewangan itu menunjukkan bahawa syarikat subjek mempunyai aset ketara bersih ('net tangible assets') sebanyak RM18,507,770.35 . Ia berkata bahawa syarikat subjek adalah kukuh ('sound') and viable dari segi kewangan. Ia juga berkata bahawa syarikat pemohon mengakujanji akan menjelaskan segala liabiliti kepada pemiutang-pemiutang syarikat subjek dan akan menyuntikkan ('inject') wang tambahan apabila perlu untul menyelesaikan apa-apa tuntutan lain yang berbangkit. Dalam afidavitnya juga, syarikat pemohon mengakujanji akan terus memberi bantuan dan sokongan kewangan syarikat subjek. F G H

Tanah Setia berkata bahawa timbangan duga dan pernyataan viabiliti kewangan itu tidak boleh diterima sebagai mencerminkan dengan betulnya kedudukan kewangan syarikat subjek, tetapi, untuk membuktikan dakwaan mereka, mereka menyebut satu contoh sahaja, iaitu, dalam timbangan duga itu, hutang kepada Puan Wong Nye Moy @ Wong Kim Yoon dikatakan sebanyak RM98,157, sedangkan dalam sepucuk surat beliau bertarikh 31 Januari 1992 beliau berkata amaun yang terhutang ialah RM36,450.19. I

Hutang itu adalah satu-satunya hutang yang telah dijelaskan selepas perintah penggulungan. Patut saya jelaskan bahawa amaun yang sebenarnya terhutang dan dijelaskan ialah RM36,497.30. Maka adalah aneh bagi syarikat pemohon, dalam menjelaskan kesilapan dalam timbangan duga yang ditonjolkan oleh Tanah Setia itu, menjawab bahawa perbezaan antara RM98,157 dan RM36,450.19 (atau RM36,497.30) itu ialah kerana RM36,497.30 telah dibayar pada 29 Januari 1992. Penjelasannya sepatutnya ditujukan kepada soal perbezaan sebanyak kira-kira RM61,000 itu.

Walau bagaimanapun, syarikat pemohon menegaskan bahawa timbangan duga itu adalah betul sebagaimana pada 20 Februari 1990, dan saya tidak fikir contoh tunggal yang ditonjolkan oleh Tanah Setia itu dapat membuktikan bahawa timbangan duga dan pernyataan viabiliti itu tidak tepat. Jika pada 20 Februari 1990 amaun yang terhutang oleh Puan Wong dikatakan RM98,157, tetapi pada 29 atau 31 Januari 1992 amaunnya dikatakan RM36,497.30, perbezaan itu bukanlah percanggahan, tetapi tentulah kerana bayaran-bayaran telah dibuat dalam tempoh antara dua tarikh itu.

Dalam penghujahannya pula, peguam bagi Tanah Setia menarik perhatian mahkamah kepada empat lagi contoh percanggahan yang terdapat pada timbangan duga dan pernyataan viabiliti itu. Satunya saya menolak sebagai tidak relevan, iaitu amaun RM119,700 bagi 'Quoted investment MBA market price' dalam pernyataan viabiliti itu. Saya menolaknya kerana ia dibandingkan dengan angka RM959,558.64 dalam timbangan duga itu, sedangkan angka itu adalah untuk 'Unquoted corporation: (Investment — shares)' bagi dua syarikat.

Contoh yang tiga lagi adalah seperti berikut :

Pertama, nilai bagi Lot 34/35 dan 47/48 telah turun dari RM426,508.10 pada 20 Februari 1990 (tarikh timbangan duga) ke RM198,240 pada 23 Mei 1992 (tarikh pernyataan viabiliti). Kedua, nilai bagi Highland Towers telah naik dari RM100,000 pada 20 Februari 1990 ke RM200,000 pada 23 Mei 1992. Ketiga, hutang Kepong Development Sdn Bhd, yang, dalam timbangan duga, diberi dua angka berjumlah RM1,825,304.64 pada 20 Februari 1990, telah turun ke RM492,108.45 pada 23 Mei 1992.

Peguam bagi pemohon, dalam penghujahannya, menjelaskan bahawa angka-angka dalam timbangan duga itu diberi mengikut nilai buku, iaitu menurut harga semasa harta-harta itu dibeli, manakala nilai-nilai dalam pernyataan viabiliti itu adalah menurut nilai pasaran semasa, untuk menunjukkan solvensi syarikat subjek. Penjelasan itu mestilah merujuk kepada nilai bagi dua hartanah yang tersebut tadi sahaja.

Pada pendapat saya, bagi Highland Towers, adalah suatu perkara yang natural sekiranya nilainya meningkat dalam tempoh dua tahun itu, dan, bagi hutang Kepong Development Sdn Bhd, adalah natural sekiranya jumlahnya berkurangan dalam masa dua tahun.

Tentang Lot 34/35 dan 47/48, adalah menghairankan yang nilainya telah merosot sebegitu banyak dalam masa dua tahun, tetapi saya tidak bersedia membuat kesimpulan dari hal itu bahawa pernyataan viabiliti kewangan itu tidak benar. Amaun-amaun dalam timbangan duga itu bagi perkara-perkara dalam tiga contoh itu berjumlah RM2,251,812.74, sedangkan, dalam pernyataan viabiliti itu, yang menunjukkan aset ketara

bersih berjumlah RM18,507,770.35, perkara-perkara itu berjumlah jauh kurang daripada itu, iaitu RM890,348.45. Sekiranya perkara-perkara itu berjumlah jauh lebih tinggi dalam pernyataan viabiliti itu daripada timbangan duga, mungkin ada sebab untuk menyarankan bahawa jumlah aset ketara bersih dalam pernyataan viabiliti itu telah sengaja dikembungkan, tetapi keadaannya adalah sebaliknya.

Selain itu, dalam afidavitnya, yang diikrarkan pada 15 September 1992, pelikuidasi syarikat subjek menyatakan bahawa kunci kira-kira teraudit ('audited balance sheet') bagi tahun berakhir 31 Disember 1989 menunjukkan bahawa syarikat subjek adalah solven dengan nilai bersih ('net worth') sebanyak RM4,758,000.

Saya mendapati bahawa Tanah Setia tidak berjaya menyangkal penegasan kepercayaan syarikat pemohon bahawa, jika penggulungan syarikat subjek digantung, ia akan mempunyai modal yang cukup untuk menjalankan perniagaannya.

Syarat kedua *Re Warbler*[3] yang dikatakan tidak dipenuhi ialah syarat yang menghendaki permohonan untuk penggantungan disampaikan kepada semua pemiutang dan penyumbang. Dalam kes ini, dua syarikat lain yang menjadi pemegang saham dalam syarikat subjek menyokong permohonan ini. Selain pemiutang-pemiutang yang telah dibayar hutang mereka, dan sembilan pemiutang-pemiutang yang menyokong permohonan ini, tidak ada pemiutang lain yang telah tampil ke hadapan berikutan dari pengiklanan dan pewartaan yang dibuat untuk mendapat perintah penggulungan syarikat subjek. Menurut syarikat pemohon, syarikat subjek tidak ada pemiutang-pemiutang lain. Tanah Setia menegaskan bahawa pelikuidasi sepatutnya memasukkan iklan meminta pemiutang-pemiutang membuktikan hutang mereka. Saya jangka penegasan itu bermakna bahawa, jika pelikuidasi berbuat demikian, akan terbuktilah sama ada syarikat subjek mempunyai pemiutang-pemiutang lain. Tetapi tidak ada tanda-tanda bahawa syarikat subjek ada pemiutang-pemiutang lain dan tidak ada sebab bagi menyangka adanya pemiutang-pemiutang lain dan saya sanggup menerima pernyataan syarikat pemohon bahawa syarikat subjek tidak ada pemiutang-pemiutang lain.

Sebelum saya melupuskan syarat *Re Warbler*[3] yang terakhir yang dikatakan telah tidak dipenuhi, biarlah saya secara ringkasnya membentangkan fakta-fakta yang dapat dikumpulkan dari afidavit-afidavit yang berkaitan dengan permohonan ini yang menunjukkan kelakuan ('conduct') syarikat subjek, pengarah-pengarahnya dan syarikat pemohon berkenaan dengan perkara-perkara yang relevan sebelum dan selepas perintah penggulungan. Saya perlu membentangkan fakta-fakta itu oleh kerana syarat ketiga itu adalah berkaitan dengan kelakuan tersebut dan oleh kerana saya akan menimbang soal kelakuan itu pada keseluruhannya apabila hendak memutuskan kelak sama ada hendak membenarkan penggantungan atau tidak.

Penghakiman bagi amaun sebanyak RM145,000 dan kos RM350 yang dijadikan asas bagi petisyen penggulungan terhadap syarikat subjek itu telah diberi pada 10 Februari 1988.

Setelah melakukan keingkaran di bawah suatu perjanjian berkenaan dengan penjualan saham, dan setelah dikenakan penghakiman itu, iaitu bagi sebahagian besar amaun yang dituntut, syarikat subjek, sama ada

kerana sengaja enggan atau kerana tidak berkemampuan, telah gagal menjelaskan penghakiman itu pada mulanya.

Oleh kerana ia gagal menjelaskan penghakiman itu, pada 4 Mei 1990, ia telah diperintahkan supaya digulung, atas petisyen kali kedua oleh Tanah Setia. Tentang apa yang berlaku kepada petisyen kali pertama, lihat *Re Yap Kim Kee & Sons Sdn Bhd.*[4] Perintah penggulungan itu dibuat kira-kira dua tahun selepas tarikh penghakiman yang mengasaskan petisyen penggulungan itu.

Setelah syarikat subjek diperintahkan supaya digulung, tempoh kira-kira satu tahun empat bulan lagi terpaksa berlalu sebelum penghakiman itu dijelaskan. Namun begitu, nampaknya, dari surat peguam bertarikh 5 September 1991 yang mengirim bayaran itu, bahawa bayaran itu dibuat untuk menyelamatkan Yap Kim Kee daripada tindakan kebankrapan dan bukan untuk menyelamatkan syarikat subjek daripada penggulungan. Memandang kepada kegagalan syarikat subjek menjelaskan penghakiman itu sebelum itu, adalah munasabah membuat anggapan bahawa, jika tidak kerana keperluan untuk menyelamatkan Yap Kim Kee, amaun penghakiman itu masih tidak akan dijelaskan.

Walaupun penghakiman itu mengambil begitu lama untuk dijelaskan, tetapi sebaliknya pula, selepas perintah penggulungan, dan sebelum penyelesaian amaun penghakiman itu, sejumlah RM135,000 telah dibayar oleh syarikat pemohon kepada dua orang pemiutang syarikat subjek, enam bayaran berjumlah RM23,952.20 telah dibayar oleh syarikat pemohon ke dalam akaun syarikat subjek dengan Development & Commercial Bank ke arah menjelaskan suatu pinjaman, dan RM120,330 telah dibelanjakan untuk membeli saham-saham Renong Bhd, atas nama syarikat subjek.

Adalah nyata daripada hal-hal yang dinyatakan tadi bahawa syarikat subjek mampu menyelamatkan dirinya, atau syarikat pemohon mampu menyelamatkan syarikat subjek daripada dikenakan perintah penggulungan dengan menjelaskan amaun penghakiman itu, jika mereka mahu.

Syarikat pemohon sendiri, dalam perenggan 10 afidavitnya yang diikrarkan pada 11 September 1992, mengakui, secara implikasi, bahawa syarikat subjek pada setiap masa mempunyai wang untuk menjelaskan penghakiman itu tetapi mereka tidak berbuat demikian oleh kerana 'we were under the impression that we had a stay of execution'. Saya tidak dapat menerima penjelasan itu sebagai benar. Penjelasan itu membawa implikasi bahawa sebenarnya tidak ada penangguhan pelaksanaan, tetapi tidak pula dijelaskan apakah yang membuat pengarah-pengarah syarikat subjek menyangka ada penangguhan. Apabila penghakiman itu dibuat, syarikat subjek diwakili oleh peguam yang tentu sekali akan menasihati syarikat subjek tentang kedudukan sebenar mengenai soal penangguhan pelaksanaan. Lagipun, sebelum petisyen penggulungan dikemukakan, pengarah-pengarah syarikat subjek tentu sudah mengetahui bahawa pelaksanaan penghakiman itu tidak ditangguh, lebih-lebih lagi memandangkan bahawa sebelum itu sudah ada satu percubaan untuk menggulungkan syarikat subjek.

Oleh yang demikian, saya terpaksa membuat kesimpulan bahawa syarikat subjek dan syarikat pemohon memang sengaja enggan menjelaskan penghakiman itu dan rela membiarkan syarikat subjek dikenakan perintah

penggulungan. Di samping itu, syarikat pemohon telah memberi penjelasan yang nyata tidak benar tentang kegagalan menjelaskan penghakiman itu. A

Selepas perintah penggulungan dibuat, pengarah-pengarah syarikat subjek bertindak dan berkelakuan seolah-olah syarikat subjek tidak tertakluk kepada penggulungan dan telah gagal menunaikan tanggungjawab mereka di sisi undang-undang kepada pelikuidasi. Ini dapat dilihat dari tingkah laku mereka berkenaan dengan pernyataan hal-ehwal syarikat subjek dan berkenaan dengan saham-saham Renong Bhd. B

Tentang pernyataan hal-ehwal, mereka telah gagal mengemukakannya kepada pelikuidasi dalam masa 14 hari selepas perintah penggulungan, sebagaimana dikehendaki oleh s 234(3) Akta Syarikat 1965. Pelikuidasi terpaksa mendapatkan perintah mahkamah terhadap mereka, yang diperolehi C pada 20 Februari 1991. Mereka diwakili oleh peguam pada masa perintah itu dibuat, tetapi mereka gagal mematuhi perintah itu, yang menghendaki mereka mengemukakan pernyataan hal-ehwal dan menyerahkan akaun-akaun dan aset-aset syarikat subjek kepada pelikuidasi. Peguam pelikuidasi terpaksa menghantar beberapa surat ingatan kepada peguam mereka dan mengancam untuk mengambil tindakan terhadap mereka, tetapi mereka D masih tidak mematuhi. Nampaknya ada masalah menyampaikan perintah mahkamah kepada mereka. Barangkali mereka sengaja mengelak penyampaian, kerana pada 19 Julai 1991 mahkamah terpaksa membuat perintah penyampaian ganti perintah itu. Selepas itu peguam pelikuidasi terpaksa menghantar dua pucuk surat lagi untuk mengancam tindakan E undang-undang sekiranya perintah mahkamah itu tidak dipatuhi.

Di sini saya patut menyebut bahawa seorang daripada dua orang pengarah syarikat subjek itu ialah Yap Chin Tak, yang juga adalah seorang pengarah syarikat pemohon dan orang yang mengikrarkan afidavit-afidavit bagi syarikat pemohon untuk permohonan itu.

Hanya pada 19 Februari 1992 barulah terdapat kemajuan tentang soal F pernyataan hal-ehwal itu. Pada tarikh itu telah berlangsung mesyuarat atau perjumpaan di antara pihak dua orang pengarah itu dan pihak pelikuidasi. Barangkali pelikuidasi menjelaskan apa yang diperlukan untuk mematuhi perintah mahkamah itu. Maka pada 1 April 1992 barulah pernyataan hal-ehwal setakat 20 Februari 1990 dihantar kepada pelikuidasi, tetapi hanya G didapati tidak sempurna oleh kerana orang yang menyediakannya tidak dikenalpasti. Pada 2 Jun 1992, peguam pelikuidasi meminta supaya orang itu dikenalpasti, dan setakat itu sahajalah perkembangan yang diketahui tentang pernyataan hal-ehwal itu. Pelikuidasi tidak menyusuli lagi perkara-perkara itu hingga sempurna oleh kerana, pada kira-kira masa yang sama, timbul pula soal tentang hendak memohon penggantungan prosiding H penggulungan. Keterangan yang paling awal yang ada tentang usaha ini ialah surat bertarikh 17 April 1992 dari peguam pemohon kepada peguam pelikuidasi yang meminta pelikuidasi mengkaji soal penggantungan yang dicadangkan itu. Dari surat itu, bolehlah dibuat sangkaan bahawa cadangan untuk memohon penggantungan mula timbul beberapa lama sebelum itu I dan saya tidak hairan sekiranya kerjasama syarikat subjek dalam perkara pernyataan hal-ehwal itu telah didorong oleh cadangan membuat permohonan penggantungan itu. Dari apa yang berlaku sebelumnya, adalah

munasabah jika disangka bahawa, sekiranya tidak kerana permohonan penggantungan itu, pengarah-pengarah syarikat subjek masih akan enggan memberi kerjasama berkenaan dengan pernyataan hal-ehwal itu.

Tentang saham-saham Renong Bhd itu, ianya telah dibeli oleh pelikuidasi atas permintaan pengarah-pengarah syarikat subjek. Walaupun, apabila pelikuidasi menghantar bayaran untuk saham-saham itu kepada pendaftar Renong Bhd pada 12 November 1990, dia menjelaskan kepada pendaftar itu bahawa dia membeli saham-saham itu untuk syarikat subjek yang sedang dalam penggulungan, dan walaupun dia meminta pendafter itu menghantar sijil-sijil saham itu kepadanya, tetapi, entah bagaimana, pengarah-pengarah syarikat subjek telah dapat mengambil sijil-sijil itu dan menyimpannya. Ini telah menyusahkan pelikuidasi, yang terpaksa menulis surat kepada pendaftar Renong Bhd beberapa kali. Sijil-sijil itu telah dihantar kepada pelikuidasi hanya pada 4 September 1992, setelah permohonan ini dimasukkan, dan dua tahun setelah saham-saham itu dibeli. Adalah munasabah jika disangka bahawa sijil-sijil itu telah diserahkan kepada pelikuidasi memandangkan kepada permohonan penggantungan, dan jika tidak kerana permohonan itu, pengarah-pengarah itu masih akan memegang sijil-sijil itu.

Penjelasan bagi tindak-tanduk pengarah-pengarah itu berkenaan dengan saham-saham Renong Bhd itu cuba diberi di perenggan 20 afidavit syarikat pemohon yang diikrarkan pada 11 September 1992. Penjelasan yang diberi ialah bahawa pengarah-pengarah syarikat subjek menyangka bahawa, dengan pembayaran amaun penghakiman, syarikat subjek akan dihidupkan semula. Saya membuat kesimpulan dari penjelasan itu bahawa, pada masa pengarah-pengarah itu menahan sijil-sijil itu, mereka bersikap tidak mengendahkan pelikuidasi oleh kerana kesudahannya syarikat subjek akan dihidupkan semula. Tetapi sekali lagi saya tidak dapat menerima penjelasan mereka. Ia adalah ketara tidak benar oleh kerana amaun penghakiman itu telah dijelaskan hanya pada 5 September 1991 sedangkan masalah mengenai sijil-sijil saham itu telah berbangkit lama sebelum itu dalam tahun 1990, apabila, pada 22 November 1990, pelikuidasi pertama kali menulis surat kepada pendaftar Renong Bhd tentang masalah itu. Maka apabila pengarah-pengarah syarikat subjek menahan sijil-sijil saham itu, penjelasan amaun penghakiman itu belum lagi dibuat dan mereka tidak mungkin ada sebab pada masa itu untuk berharap penggulungan syarikat subjek akan digantung.

Maka sekali lagi pengarah-pengarah syarikat subjek telah bertindak menentang pelikuidasi dan cuba menjelaskan perbuatan mereka dengan alasan yang tidak benar.

Itulah fakta-fakta berkenaan dengan soal kelakuan yang saya sebut tadi. Syarat *Re Warbler*[3] yang ketiga yang dikatakan tidak dipatuhi ialah syarat yang menghendaki syarikat subjek memfailkan pernyataan hal-ehwal atau memberi penjelasan mengapa pernyataan itu tidak difailkan. Sebagaimana yang dilihat dari fakta-fakta tadi, pernyataan hal-ehwal telah dihantar kepada pelikuidasi pada 1 April 1992 tetapi masih tidak sempurna, kerana orang yang menyediakannya tidak dikenalpasti. Setelah pelikuidasi meminta hal itu diperbetulkan, tidak ada susulan dibuat olehnya, mungkin kerana di peringkat itu berbangkit pula soal memohon penggantungan. Adalah probabel bahawa, sekiranya pelikuidasi menyusuli perkara itu, pernyataan

hal-ehwal yang sempurna akan dikemukakan pada kesudahannya. Peguam bagi Tanah Setia berhujah bahawa, jika pernyataan hal-ehwal tidak dimasukkan, atau jika penjelasan yang memuaskan tidak diberi mengapa pernyataan hal-ehwal tidak dimasukkan, maka, menurut kes *Re Warbler*,[3] penggantungan tidak boleh dibenarkan.

Saya nampak dari kes *Re Warbler*[3] bahawa keperluan bagi memasukkan pernyataan hal-ehwal atau memberi penjelasan kenapa pernyataan hal-ehwal tidak dimasukkan adalah berasaskan kes *Re Telescriptor Syndicate Ltd.*[5] Di sini saya perlu memperkatakan sedikit tentang kes itu.

Permohonan penggantungan dalam kes itu telah dibuat dengan persetujuan semua pemiutang, termasuklah pemiutang pempetisyen, dan persetujuan kebanyakan ('great majority') pemegang-pemegang saham. Fakta-fakta kes itu adalah agak kompleks dan saya tidak akan cuba meringkaskannya. Apabila melihat kepada fakta-fakta yang terdapat di hadapannya, Buckley J telah mengesan sesuatu yang mencurigakan. Bagi beliau, hakikat bahawa beberapa orang pengarah syarikat itu telah menerima saham-saham tertentu ialah suatu perkara 'which excites attention — I purposely use a neutral word', dan beliau berkata perkara itu patut disiasat. Pengesanan perkara itu telah membuat beliau mengambil sikap yang amat berhati-hati. Beliau berkata, '... it is possible that there may be an ugly side to the picture.' Syarikat itu telah membiarkan tindakan diambil terhadapnya yang berakhir dengan perintah penggulungan dan hakim yang arif itu berasa syak mengapa dan bagaimana pemiutang-pemiutang dapat didorong supaya menyetujui penggantungan. Beliau berkata mungkin pengarah-pengarah syarikat itu tidak mengemukakan pernyataan hal-ehwal kerana 'there was something to conceal'. Beliau ingin tahu mengapa mereka tidak mengemukakan pernyataan hal-ehwal. Beliau hendak berpuas hati bahawa 'the trading operations of this company have been fair and above board'. Oleh kerana kecurigaan itu, Buckley J telah menangguhkan keputusan atas permohonan itu dan telah mengarahkan supaya pernyataan hal-ehwal dimasukkan dalam tempoh tertentu dan pelikuidasi memberi buah fikirannya sama ada 'further inquiry is desirable as to any matter relating to the promotion, formation, or failure of the company, or the conduct of the business thereof'. Hakim yang arif itu mahukan perkara-perkara itu disiasat oleh kerana beliau perlu berpuas hati — sebagaimana dikehendaki oleh statut yang berkenaan — bahawa segala prosiding dalam penggulungan itu 'ought to be stayed' dan oleh kerana, memandangkan syarat bagi penggantungan adalah demikian, maka, sebagaimana juga halnya dalam kebankrapan:

> ... the court refuses to act upon the mere assent of the creditors in the matter, and considers not only whether what is proposed is for the benefit of the creditors, but also whether it is conducive or detrimental to commercial morality and to the interests of the public at large. The mere consent of the creditors is but an element in the case.

Setelah maklumat-maklumat yang diperlukan itu dikemukakan dan hakim yang arif itu mengkajinya, beliau membuat keputusan menolak permohonan penggantungan itu. Beliau memutuskan bahawa bukti telah tidak diberi

yang memuaskan hatinya bahawa segala prosiding dalam penggulungan itu patut digantung. Beliau menyebut beberapa sebab dan berakhir dengan berkata:

> Further, and principally, this company, loaded as it is with bonus shares and having a nominal capital which is, as has from the first been, largely fictitious, ought not I think to be allowed to resume business.

Nampaknya kepada saya bahawa, di sebalik kegagalan mengemukakan pernyataan hal-ehwal, Buckley J ternampak sesuatu berkenaan dengan penubuhan syarikat itu dan kedudukan pemegangan saham di dalamnya yang telah mendorongnya mengambil sikap berwaspada tentang sama ada 'it is conducive or detrimental to commercial morality and to the interests of the public at large' sekiranya syarikat itu dibenar meneruskan perniagaannya. Desakan beliau supaya pernyataan hal-ehwal dikemukakan atau penjelasan diberi mengapa ia tidak dimasukkan adalah sebahagian daripada penyiasatan yang perlu untuk menentukan apakah sebenarnya yang telah berlaku. Hakim yang arif itu tidak berkata beliau enggan membenarkan penggantungan kerana pernyataan hal-ehwal tidak dimasukkan atau penjelasan yang memuaskan tidak diberi. Beliau mempunyai sebab untuk mengesyaki sesuatu keadaan yang mempunyai sifat yang akan menjadikannya 'detrimental to commercial morality and the interests of the public at large'. Kegagalan mengemukakan pernyataan hal-ehwal telah mengukuhkan syaknya, tetapi beliau tidak menolak permohonan penggantungan, sebaliknya beliau meminta supaya pernyataan hal-ehwal dimasukkan atau penjelasan diberi supaya kebenaran tentang syak wasangkanya dapat dipastikan. Oleh kerana itu, saya tidak fikir bahawa kes itu boleh, dengan betulnya, dikatakan sebagai nas bagi proposisi bahawa salah satu syarat yang perlu dipatuhi dalam sesuatu permohonan penggantungan ialah bahawa pernyataan hal-ehwal telah dimasukkan atau penjelasan yang memuaskan diberi mengapa ia tidak dimasukkan.

Sekarang saya berpaling kepada menimbang soal kelakuan yang baginya saya telah membentangkan fakta-fakta tadi. Saya tidak teragak-agak untuk berkata bahawa kelakuan di pihak syarikat subjek dan pengarah-pengarahnya, dari masa syarikat subjek dikenakan penghakiman sehingga masa permohonan ini dibuat, termasuklah dalam afidavit untuk permohonan ini, adalah buruk sekali. Sekurang-kurangnya tentang pernyataan hal-ehwal, pengarah-pengarah yang berkenaan telah melanggar peruntukan s 234 Akta Syarikat 1965. Kerananya mereka boleh didakwa. Mungkin saya tidak begitu peka seperti Buckley J tetapi saya perlu mengakui bahawa, walaupun kelakuan itu buruk, tetapi dari kelakuan itu saya tidak dapat berkata bahawa saya nampak sesuatu di sebaliknya yang mesti disiasat selanjutnya dan yang memerlukan, sebagai sebahagian daripada penyiasatan itu, pengemukaan pernyataan hal-ehwal atau penjelasan tentang kegagalan mengemukakannya. Saya tidak nampak sesuatu yang bersifat seperti hal yang telah membangkitkan syak wasangka Buckley J dalam kes *Re Telescriptor*[5] itu. Tidaklah ada disarankan oleh Tanah Setia bahawa ada sesuatu yang 'sinister' tentang syarikat subjek yang perlu diselidiki di sebalik hakikat kelakuan buruk itu dan yang mana kelakuan buruk itu merupakan hanya suatu tanda. Sekiranya saya meminta supaya pernyataan hal-ehwal dimasukkan

atau penjelasan yang memuaskan dikemukakan, saya tidak tahu apa yang sebenarnya saya hendak mencari. Saya rasa saya seolah-olah akan mencari-cari sesuatu yang tidak ada petanda baginya pada mulanya.

Saya juga telah menimbang sama ada hakikat kelakuan buruk itu sahaja boleh menjadi sebab untuk menolak permohonan penggantungan, walaupun tidak ada apa-apa yang tertentu yang dapat dilihat di sebalik itu. Saya telah menimbang untuk berkata bahawa segala apa yang telah saya bentangkan tadi tentang kelakuan itu membangkitkan kesangsian yang berat tentang ketulusan dan integriti syarikat subjek, syarikat pemohon, dan orang-orang yang menjalankan syarikat-syarikat itu, bahawa tingkah laku pengarah-pengarah syarikat subjek itu jelas menunjukkan mereka adalah orang-orang yang bersedia lari dari, atau bertindak bertentangan dengan, tanggungjawab mereka jika perbuatan demikian adalah sesuai bagi mereka atau akan menguntungkan mereka, dan bahawa, oleh kerana itu, saya berasa tidak senang tentang tingkah laku mereka dalam urusan-urusan komersial mereka kelak dalam dunia perniagaan dan dengan orang ramai sekiranya syarikat subjek dibenarkan beroperasi semula. Saya telah menimbang untuk berkata bahawa, memandang kepada kesangsian yang telah saya nyatakan tadi tentang syarikat subjek dan pengarah-pengarahnya, saya tidak dapat berkata bahawa saya berpuas hati segala prosiding berkenaan dengan penggulungan syarikat subjek patut digantung. Tetapi saya rasa bahawa anggapan-anggapan itu adalah suatu kesimpulan yang terlalu drastik hendak dibuat terhadap pengarah-pengarah syarikat subjek. Membuat kesimpulan sedemikian, saya rasa, adalah seperti menafikan permohonan penggantungan sebagai suatu hukuman kerana kelakuan yang buruk itu, sedangkan saya tidak fikir bahawa adalah betul sekiranya permohonan penggantungan dinafikan sebagai suatu hukuman. Saya rasa bahawa untuk mendapati bahawa penggantungan syarikat subjek akan menjadi 'detrimental to commercial morality and to the interests of the public at large' perlulah ada justifikasi yang berasaskan sesuatu yang lebih daripada jenis kelakuan yang telah dilihat tadi semata-mata.

Atas sebab-sebab yang telah saya bentangkan itu, saya menolak bantahan Tanah Setia dan memerintahkan segala prosiding berkenaan dengan penggulungan syarikat subjek digantung sama sekali ('altogether').

*Permohonan dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Siti Zulaiha Abdullah